Janegi House Sdn Bhd lwn Cimb Bank Bhd

MAHKAMAH TINGGI (MELAKA) — RAYUAN SIVIL NO 12B NCVC-13–01 TAHUN 2012
ABDUL KARIM PK
31 JANUARI 2013

Kebankrapan — Kapasiti bankrap — Perolehan harta — Sama ada seorang bankrap kompeten untuk mengurus dan mengendalikan akaun bank dan menjalankan aktiviti-aktiviti menjana pendapatan — Akta Kebankrapan 1967

Perbankan — Bank dan pelanggan — Cek palang dikeluarkan kepada pelanggan yang bankrap — Sama ada bank bertanggungan membekukan akaun si bankrap — Akta Kebankrapan 1967 — Sama ada bank cuai dan telah melakukan tort konversi — Tanggungjawab berjaga-jaga bank terhadap pelanggan

Perayu ('plaintif') telah memasuki perjanjian untuk membeli beberapa hartanah daripada seorang penjual ('Teo') dan hartanah-hartanah tersebut telah dicagarkan kepada responden ('bank') sebagai cagaran kepada pinjaman oleh defendan kepada Teo, seorang bankrap. Semasa perjanjian, plaintif telah membayar deposit RM80,000 kepada Teo dengan mengisukan cek Alliance yang berpalang ('cek Alliance') dan Teo telah memasukkan cek Alliance ke dalam akaun semasanya di bank. Dua hari kemudian, Teo telah mengeluarkan kesemua jumlah tersebut dari akaunnya. Pada masa yang sama, plaintif telah memohon penyata penebusan harta daripada defendan tetapi permohonan ini ditolak kerana Teo dikatakan seorang bankrap. Sebelum pelepasan gadaian hartanah boleh dibuat, kebenaran Ketua Pengarah Insolvensi ('KPI') diperlukan terlebih dahulu. Plaintif yang telah mengetahui status kebankrapan Teo, masih tidak membuat permohonan bagi mendapatkan kebenaran KPI. Teo gagal membayar balik pinjamannya. Defendan seterusnya melelongkan hartanah tersebut. Di mahkamah sesyen, plaintif telah menuntut bagi pembayaran balik RM80,000 atas alasan bahawa defendan telah melakukan tort kecuaian dan konversi. Plaintif menegaskan bahawa defendan menyedari tentang kebankrapan Teo. Oleh itu, defendan seharusnya membekukan akaun Teo atau menghalang Teo daripada membuat pengeluaran bagi jumlah cek Alliance. Plaintif menghujahkan lagi bahawa defendan bertanggungan tetapi gagal meremitkan wang tersebut kepada KPI yang berhak ke atasnya. Tuntutan plaintif ditolak oleh hakim mahkamah sesyen. Dalam rayuan ini, plaintif membangkitkan persoalan sama ada defendan berkewajipan membekukan

akaun Teo, dan menghalangnya daripada membuat sebarang transaksi perbankan. A

Diputuskan, menolak rayuan dengan kos:

(1) Pembekuan bank seseorang pelanggan yang bankrap tidak diwajibkan atau menjadi piawaian am semua bank di Malaysia. Atas alasan ini sahaja hujahan perayu akan adanya tugas berjaga-jaga untuk membekukan akaun Teo tumbang (lihat perenggan 8). B

(2) Apabila seseorang itu diisytiharkan bankrap, dia tidak lagi bebas dalam pengurusan kewangannya dan akan ditaklukkan kepada larangan, sekatan dan kesalahan di bawah Akta Kebankrapan 1967 ('Akta'). Pentadbiran hal ehwal kewangannya diambil alih oleh KPI. Tertakluk kepada pengecualian s 48(1)(a) Akta, kesemua hartanya akan terletak hak kepada KPI, sama ada secara automatik atau transmisi, untuk ditadbir, direalisasikan dan hasil realisasi itu akan diagih dan dibahagikan kepada semua pemiutangnya yang telah memfailkan bukti hutang. Seksyen 48, apabila dibaca bersama ss 38 dan 49 Akta, jelas menunjukkan bahawa seseorang bankrap boleh, antara lain, menjalankan aktiviti yang boleh mendatangkan pendapatan dan memperoleh harta (lihat perenggan 10). C D E

(3) Sebagai bank pemungut, salah satu dari tugas defendan adalah untuk memungut cek untuk akaun pelanggannya, lebih-lebih lagi cek berpalang. Plaintif bukan merupakan pelanggan defendan. Pelanggan defendan adalah Teo dan tidak dinafikan bahawa cek berkenaan dikeluarkan atas nama Teo sebagai payee. Maka itu defendan, dalam melepaskan pembayaran, telah bertindak dengan sewajarnya dan selaras dengan tanggungjawabnya sebagai bank pemungut dan agen kepada Teo, pelanggannya (lihat perenggan 13). F

(4) Defendan boleh, jika mahu menguatkuasakan sekuriti yang dicagar, mengambil tindakan berdasarkan surat cara sekuriti itu sama ada secara lelongan ataupun melalui penjualan triti persendirian, jika dibenarkan oleh surat cara sekuriti, Kanun Tanah Negara atau Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. Namun begitu, oleh kerana Teo seorang bankrap, dan seperti yang diperuntukkan oleh s 55(5) Akta, adalah tidak salah dan malah munasabah untuk defendan meminta kebenaran KPI sebelum menimbang untuk menjalankan kuasanya untuk berurusan dengan sekuriti berkenaan (lihat perenggan 12). G H

(5) Memandangkan plaintif tidak mahu mendapatkan kebenaran daripada KPI seperti diminta oleh defendan, dan Teo pula telah mungkir dalam pembayaran pinjaman banknya, defendan telah dengan betulnya telah melelongkan sekuriti berkenaan pada 8 Mei 2009. Oleh itu dakwaan plaintif bahawa berlaku salah representasi, dan kerana itu kecuaian dan kelalaian di pihak bank, adalah meleset (lihat perenggan 12). I

(6) Untuk berjaya dalam tindakan tort konversi, perlu ditunjukkan bahawa seseorang itu mengendalikan sesuatu barangan yang bukan kepunyaannya dengan cara yang bertentangan dengan hak pemilik sebenar dan dengan itu menghalang pemilik sebenar dari menggunakan atau memilikinya. Dalam kes ini, transaksi yang dicabar tidak melibatkan apa-apa penipuan, salah guna atau penggunaan yang bertentangan dengan pemilik sebenar cek yang dipersoalkan. Cek dikeluarkan kepada dan hanya untuk Teo dan bukan orang lain dan Teo berhak ke atas cek tersebut sebagai pemilik sebenar (lihat perenggan 17–18).

[English summary

The appellant ('the plaintiff') had entered into an agreement to purchase a certain property from a seller ('Teo') and the property was secured to the respondent ('the bank') as collateral for the loan by the defendant to Teo, a bankrupt. In the midst of the agreement, the plaintiff paid a deposit of RM80,000 by issuing crossed Alliance cheque ('Alliance cheque') to Teo and Teo proceeded to deposit the cheque into his current account. Two days later, Teo withdrew the said amount from his account. At the same time, the plaintiff sought redemption statement of the defendant's property, but this application was dismissed as Teo was said to be a bankrupt. The permission of the Director General of Insolvency ('DGI') was required before property charges could be released. The plaintiff who was aware of Teo's bankruptcy status, still had not made an application for the DGI's permission. Teo defaulted in the repayment of the loan. The defendant then auctioned the property. At the sessions court, the plaintiff claimed for the recovery of RM80,000 on the ground that the defendant had committed the tort of negligence and conversion. The plaintiff averred that the defendant was aware of Teo's bankruptcy. Therefore, the defendant should have frozen Teo's accounts or prevent Teo from withdrawing the sum of the Alliance cheque. The plaintiff further argued that the defendant was liable but failed to remit the money to the DGI who was entitled to it. The plaintiff's claim was rejected by the sessions court judge. In the present appeal, the plaintiff raised the issue of whether the defendant was obliged to freeze Teo's accounts, and prevent him from making any banking transaction.

Held, dismissing the appeal with costs:

(1) The freezing of a bankrupt customer was not expected of or was not the general standard of the banks in Malaysia. For this reason alone, the appellant's submission on the duty of care to freeze the accounts of Teo had collapsed (see para 8).

(2) When a person is declared a bankrupt, he would no longer be independent in the management of his finances and would be subjected to the prohibition, restriction and offences under the Bankruptcy Act 1967 ('the Act'). The administration of his financial affairs would be

taken over by the DGI. Subject to the exceptions under s 48(1)(a) of the Act, all his properties would be vested upon the DGI, either automatically or transmission, to be administered, realised and the realised proceeds would be allocated and distributed to all creditors who have filed a proof of debt. Section 48, when read together with ss 38 and 49 of the Act, clearly prescribed that a bankrupt may, among other things, engage in activities that generate income and may acquire property (see para 10).

(3) As a collecting bank, one of the defendants task was to collect the cheque for the account of its customers, moreover crossed cheques. The plaintiff was not the defendant's client. The defendant's customer was Teo and undoubtedly, the cheque was issued under Teo's name as the payee. Hence, the defendant, in releasing the payment, had acted expediently and in accordance with its duty as a collecting bank and agent to Teo, its customer (see para 13).

(4) The defendants might, if it wished to enforce the securities pledged, seek action based on the security instrument either by auction or by private treaty sale, if permitted by the security instrument of the National Land Code or the Rules of Court 2012. However, since Teo was a bankrupt, and as provided by s 55(5) of the Act, it was not wrong and as a matter of fact reasonable, to seek permission of the DGI before considering the exercise of its powers in dealing with the security (see para 12).

(5) Since the plaintiff preferred not to obtain the permission of the DGI as requested by the defendant, and Teo, in turn, had defaulted in the repayment of his bank loan, the defendant had rightly auctioned the security on 8 May 2009. It followed that the plaintiff's claim that there occurred a misrepresentation, and as such the negligence and inadvertence of the bank, was rebutted (see para 12).

(6) In order to succeed in a tort of conversion action, it had to be proven that a person had manoeuvred a product that was not his in a manner inconsistent with the rights of the real owner and thus preventing the real owner from utilising or being in possession of it. In the present case, the challenged transaction did not involve any fraud, misuse or use contrary to that of the real owner of the cheque in question. The cheque was issued to and only to Teo and not anybody else and Teo, as the real owner, was entitled to the cheque (see paras 17–18).]

Nota-nota

Bagi kes mengenai perolehan harta, lihat 1(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 2952.

Kes-kes yang dirujuk

Abu Bakar bin Jaafar & Anor v Malayan Banking Bhd [1991] 2 MLJ 487, MT (dirujuk)

Agroco Plantation Sdn Bhd & Anor v Besharapan Sdn Bhd & Ors [1999] 6 MLJ 80, MT (dirujuk)

Nelson v Larholt [1948] 1 KB 339, KBD (dirujuk)

Oriental Bank of Malaya v Rubber Industry (Replanting) Board [1957] 1 MLJ 153 (dirujuk)

Ponsford, Baker & Co v Union of London and Smith's Bank Ltd [1904–7] All ER Rep 829, MR (dirujuk)

Sunder Lal and Anor v L Benarsi Dass and Ors AIR 1939 All 401, MT (dirujuk)

United Malayan Banking Corp Bhd v Kek Tek Huat (Deceased Kik Chon Lam & Ors, Executors of the estate of Kek Tek Huat) [1990] 1 MLJ 83; [1990] 1 CLJ 429, MA (dirujuk)

United Plastics Sdn Bhd v Chan Teng Song & Anor [2009] MLJU 1556; [2010] 8 CLJ 120, MT (dirujuk)

Yap Moi v Hong Leong Bank Bhd [2002] 3 MLJ 614, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kebankrapan 1967 ss 2, 8(2), 12(4), 38, 40, 48, 48(1), (1)(a), 49, 52, 54, 55(5), 109, 109(m)(i)

Bankruptcy Act (Chapter 20) [SG]

Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012

Amy Yeo Siok Hui (Amy Yeo & Associates) bagi pihak perayu.

Lee Tze Jiun (Zairina Loh & Wong) bagi pihak defendan.

Abdul Karim PK:

[1] Dalam rayuan ini Janegi House Sdn Bhd ('perayu/plaintif') telah merayu terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana ('hakim bicara') pada 20 Disember 2011 yang telah menolak tuntutan mereka terhadap CIMB Bank Bhd ('responden/defendan') untuk dibayar balik jumlah sebanyak RM80,000, faedah kerugian atas penggunaan jumlah tersebut pada kadar 8% setahun dari tarikh 7 Februari 2005 ie tarikh penerimaan wang perayu sehingga tarikh penghakiman atau penyelesaian, ganti rugi RM4,000 sebagai kos mempertahankan kaveat perayu terhadap penawar yang berjaya membeli hartanah berkenaan dan kos. Seperti diperjelaskan dalam penyata tuntutan mereka, perayu telah mengambil tindakan ini terhadap responden berdasarkan kausa tindakan kecuaian dan atau konversi. Saya telah mendengar rayuan ini dan menolaknya pada 26 September 2012 dengan kos sebanyak RM3,000. Perayu kini merayu terhadap keputusan itu dan berikut merupakan alasan penghakiman saya.

[2] Untuk menghayati kausa tindakan di atas dan isu-isu yang ditimbulkan oleh perayu dalam mencabar keputusan hakim bicara, pembentangan fakta-fakta latar belakang berikut adalah penting.

LATAR BELAKANG RINGKAS

[3] Berdasarkan ikatan-ikatan dokumen yang telah dipersetujui (ikatan A, B, dan C) dan keterangan yang telah dikemukakan semasa perbicaraan penuh, fakta-fakta berikut, setakat yang berkaitan di peringkat ini, boleh dikatakan telah diakui atau dibuktikan:

(a) perayu ialah sebuah syarikat berdaftar yang beralamat di No 54, Jalan Tokong Melaka;

(b) responden, yang pada masa itu dikenali sebagai Southern Bank Bhd, ialah sebuah sebuah bank berlesen yang mempunyai alamat di Level 7, No 49 Jalan Lekiu, SBB Building, 50552 Kuala Lumpur dan mempunyai cawangan-cawangan di 9G, Arab-Malaysian Business Center, Jalan Tuanku Munawir, 7000 Seremban dan Ampangan, Negeri Sembilan;

(c) Teo Eng Pau, (No K/P: 540418–0405233) ('Teo') yang beralamat di 165, Taman Ampangan, Jalan Kuala Pilah, 70400 Seremban, merupakan tuan punya berdaftar ke atas tiga keping hartanah iaitu GM 54 Lot 1309, Mukim Tanjung Perak, Daerah Melaka Tengah, Negeri Melaka; GM 133 Lot 1308, Mukim Tanjung Minyak, Daerah Melaka Tengah, Negeri Melaka; dan, GM 132 Lot 132 Lot 1307, Mukim Tanjung Minyak, Daerah Melaka Tengah, Negeri Melaka ('hartanah berkenaan');

(d) pada 20 November 1996 Teo telah bersetuju menerima tawaran Ban Hin Lee Bhd (pendulu defendan) bertarikh 18 November 1996 bagi kemudahan kredit berjumlah RM500,000 (akaun bernombor 1007050580). Hartanah berkenaan telah disandarkan sebagai sekuriti bagi pinjaman tersebut dan kemudiannya didaftarkan di bawah Gadaian Perserahan No 8020/1996 Jilid 268 Fol 21 bertarikh 14 September 2000 (gadaian defendan);

(e) pada 4 Februari 2005 perayu telah memasuki satu perjanjian untuk membeli hartanah berkenaan daripada Teo dengan harga belian sebanyak RM800,000;

(f) susulan daripada itu perayu telah membayar deposit 10% harga belian tersebut sebanyak RM80,000 kepada Teo pada 5 Februari 2005 melalui cek berpalang (cek Alliance) bernombor 073681 bertarikh 4 Februari 2005. Cek ini kemudiannya dimasukkan oleh Teo ke dalam akaun semasanya bernombor 1095004739 di bank responden. Pada 7 Februari 2005 Teo mengeluarkan keseluruhan jumlah tersebut daripada akaunnya;

(g) pada masa perjanjian itu dimasuki, perayu sedar bahawa hartanah berkenaan telah dicagarkan kepada responden. Selaras dengan perjanjian jual beli tersebut, peguam perayu dan Teo melalui surat mereka bertarikh 5 Februari 2005 dan 11 April 2005 sewajarnya telah memohon penyata penebusan harta untuk hartanah berkenaan daripada responden. Bagaimanapun pada 13 Mei 2005 peguam responden telah memaklumkan peguam perayu bahawa oleh kerana Teo ialah seorang bankrap kebenaran ketua pengarah insolvensi diperlukan untuk membolehkan responden mengeluarkan penyata penebusan dan pelepasan gadaian hartanah berkenaan;

(h) susulan daripada pemakluman di atas, perayu melalui surat peguamnya bertarikh 3 Jun 2005 telah memberi notis kepada responden supaya tiada pengeluaran boleh dibuat oleh Teo daripada akaunnya tanpa kebenaran ketua pengarah insolvensi. Selanjutnya, perayu meminta 'if your client could confirm whether Mr Teo has such authorization or whether the sum is still in the account in order for us to apply to the Director General of Insolvency for further directions on the same';

(i) responden melalui surat peguamnya bertarikh 25 Mei 2005 memaklumkan 'We write to inform you that Mr Teo Eng Pau has on the 4th February, 2005 deposited the sum of RM80,000 into his current Account No 1095004739 via a local cheque and the same was withdrawn by him on 7th February, 2005'. Selanjutnya menyatakan 'We are instructed that during the said period our client has no notice that any drawing from the said account must be authorized by the Director General of Insolvency';

(j) oleh kerana gagal mendapat persetujuan responden, perjanjian jual beli hartanah berkenaan tidak dapat diteruskan antara perayu dengan Teo. Perayu telah cuba mendapat kembali wang deposit RM80,000 daripada Teo dan responden tetapi gagal;

(k) Teo pula telah mungkir dalam membuat pembayaran pinjamannya. Responden kemudiannya telah melelong hartanah berkenaan kepada Happy Summit Sdn Bhd pada 8 Mei 2009;

(l) Teo telah diisytiharkan sebagai seorang bankrap melalui perintah penerimaan dan perintah penghukuman oleh Mahkamah Tinggi Seremban pada 10 Ogos 2000; dan

(m) perayu telah memfailkan bukti hutang bagi jumlah RM80,000 di Jabatan Insolvensi Malaysia pada 29 September 2011 tetapi telah ditolak kerana keberhutangan itu telah berlaku selepas Teo telah dibankrapkan. Fakta-fakta lain akan disentuh dalam huraian selepas ini.

ULASAN MAHKAMAH

[4] Saya telah meneliti dan mempertimbangkan keterangan dalam rekod rayuan, penghujahan kedua-dua pihak, bertulis dan lisan, serta keputusan hakim bicara yang bijaksana dan berpendapat bahawa rayuan ini harus ditolak. Penghujahan dan isu yang ditimbulkan oleh pihak-pihak akan disentuh dalam huraian penghakiman ini.

[5] Saya berpendapat isu utama dan menjadi penentu dalam rayuan ini ialah sama ada responden bertanggungjawab atau mempunyai tugas untuk berjaga-jaga untuk membekukan akaun Teo apabila dia diisytiharkan sebagai bankrap? Perayu menghujahkan bahawa responden harus membekukan akaun Teo kerana telah mengetahui sejak dari tahun 2001 dan 2003 lagi akan kebankrapannya. Diperkatakan lagi bahawa responden seharusnya dapat menjangka bahawa kegagalan bertindak sedemikian boleh mendatangkan kerugian kepada perayu. Bagaimanapun, perayu tidak dapat menunjukkan adanya perundangan atau piawaian, sama ada perbankan atau Akta Kebankrapan 1967, yang memperuntukkan atau menyatakan bahawa setiap bank diwajibkan atau dikehendaki membekukan semua akaun pelanggannya apabila mengetahui mereka telah diisytiharkan bankrap. Dalam erti kata yang lain sama ada akaun mana-mana pelanggan bank yang telah diisytiharkan bankrap akan dibekukan secara automatik? Peguam perayu merujuk kepada pandangan dalam buku *Law of Banker and Customer, (5th Ed),* oleh Poh Chu Chai, pengarang, yang menyatakan:

> C. NOTICE OF CUSTOMER'S BANKRUPTCY
>
> To obtain protection under section 77(3) of the Bankruptcy Act, a person transacting with a bankrupt has to show that he has no notice of the bankruptcy petition and the transaction is carried out in good faith and for valuable consideration. The principle behind *section 77 (3)* is similar to that embodied in section 54 of the former Bankruptcy Act. A banker who has notice of a customer's bankruptcy continues to deal with the customer *at his own risk. A banker should freeze a customer's account the moment he has notice of a customer's bankruptcy.* In *Ponsford, Baker & Co v Union of London and Smith's Bank Ltd* [1904-7] AII ER Rep 829, the English Court of Appeal decided that a banker *is entitled to suspend* dealings with a customer once he was aware that a customer had committed an act of bankruptcy.

Harus dicatatkan bahawa peruntukan s 77 di atas merupakan peruntukan dalam Akta Kebankrapan Singapura yang tidak ada dalam Akta Kebankrapan 1967 Malaysia. Jika ada yang hampir dengannya ialah s 54 Akta Kebankrapan 1967. Tetapi peruntukan itu khusus untuk melindungi transaksi bona fide tertentu tanpa notis dan sebelum perintah penerimaan diberikan. Peruntukan s 54 ini tidak terpakai dalam kes dalam rayuan ini. Jika diperhatikan pandangan pengarang buku tersebut hanya mengesyorkan pembekuan. Begitu juga dengan kes *Ponsford* yang dirujuk di mana perkataan yang digunakan ialah

is entitled iaitu memberi kuasa kepada pihak bank bertindak untuk melindungi kepentingan mereka. Di Malaysia, jika diperhatikan daripada keputusan kes *Abu Bakar bin Jaafar & Anor v Malayan Banking Bhd* [1991] 2 MLJ 487, walaupun kes masih di peringkat notis kebankrapan, bank diputuskan mempunyai budi bicara untuk membekukan akaun pelanggan yang diserahkan dengan notis kebankrapan. Dalam kes *Abu Bakar* itu pihak bank dengan itu *is entitled* untuk bertindak sama seperti dalam kes *Ponsford*. Namun keputusan dan pandangan pengarang tersebut tidak menyatakan bahawa bank berkewajiban atau hendaklah membekukan secara automatik atau *as a matter of course*. Pandangan dan keputusan kes *Ponsford* lebih kepada melindungi kepentingan si piutang jika si berhutang itu kemudiannya diisytiharkan bankrap, satu kedudukan yang serupa untuk transaksi yang terjatuh dalam kategori s 52 Akta Kebankrapan 1967, atau melindungi pihak-pihak berkenaan dalam transaksi di bawah s 54 Akta Kebankrapan 1967. Seperti dikatakan, ini bukannya senario dalam kes dalam rayuan ini dan pergantungan kepada pandangan tersebut tidak ketepatan.

[6] Ketiadaan amalan atau piawaian ini dibuktikan daripada saksi-saksi pegawai bank oleh kedua-dua pihak semasa memberi keterangan dalam perbicaraan. 'SP1' ialah pengurus operasi dan perkhidmatan di Alliance Bank Melaka dan telah berkhidmat di bank itu selama 25 tahun. Semasa ditanya dalam pemeriksaan utamanya tentang penutupan akaun pelanggan yang diisytiharkan bankrap, SP1 menyatakan:

> Sekiranya seorang itu bankrap, biasanya kita terima notis diberi Jabatan Insolvensi, kami akan tutup akaun.
>
> Jika bank diberitahu oleh OA Office atau oleh Ibu Pejabat Bank bahawa pemegang akaun telah bankrap, kami akan tutup akaun dan *transfer* duit di dalam akaun Jabatan Insolvensi.
>
> Jika dapat tahu tentang kebankrapan itu secara gazette atau iklan dalam akbar, kami akan dapatkan arahan dan kepastian dari *head office* atau Insolvensi *Office*.

Semasa ditanya dalam pemeriksaan balasnya, SPI menyatakan:

> Saya tidak pernah kerja di Southern Bank dan CIMB Bank dan saya tidak boleh bercakap tentang bagaimana kedua-dua bank itu berurusan dengan pemegang akaun yang bankrap.

[7] Kedudukan ketiadaan keseragaman dari segi amalan ini dikatakan juga oleh saksi responden iaitu 'SDI'. SD1 ialah seorang pengurus cawangan responden, Seremban dan telah berkhidmat dengan responden sejak 1986, lebih kurang 25 tahun sebagai pegawai bank. Berkenaan pembekuan akaun pelanggan mereka yang diisytiharkan bankrap, SD1 menyatakan:

> A6: Sepatutnya apabila seorang pemegang akaun bank dihukum sebagai

bankrap, maklumat tersebut akan dimaklumkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia kepada ibu pejabat bank melalui surat yang mengandungi senarai nama-nama si bankrap.

Kemudian ibu pejabat Bank akan memaklumkan semua cawangan Bank dan cawangan-cawangan masing-masing akan membuat semakan sama ada bankrap-bankrap tersebut yang disenaraikan dalam surat Jabatan Insolvensi Malaysia tersebut mempunyai akaun dengan cawangan tersebut. Sekiranya ada, cawangan Bank tersebut akan membekukan akaun tersebut.

Q8: Adakah Bank membekukan akaun pelanggannya berdasarkan iklan notis kebankrapan di surat khabar atau warta negara?

A8: Tidak.

Q9: Kenapa tidak?

A9: Pembekuan akaun berdasarkan maklumat dari iklan surat khabar dan warta bukan polisi pihak Bank. Pihak Bank hanya boleh membekukan akaun seorang pelanggan jika Jabatan Insolvensi Malaysia mengisukan surat kepada Bank yang menyenaraikan namanya sebagai seorang bankrap.

Q11: Mengapakah Responden membenarkan Teo Eng Pau tersebut mengeluarkan wang sebanyak RM80,000.00 tersebut pada 7/2/2005 walaupun Teo Eng Pau telah dihukum bankrap pada 10/8/2000?

A11: Memandangkan Responden tidak mempunyai rekod yang menunjukkan bahawa ibu pejabat Bank telah menerima surat daripada Jabatan Insolvensi Malaysia yang memaklumkan bahawa Teo Eng Pau telah dihukum bankrap pada segala masa yang matan dan Perayu tidak dapat menunjukkan terdapatnya surat daripada Jabatan Insolvensi Malaysia, saya berpendapat bahawa itulah sebab akaun Teo Eng Pau tidak dibekukan dan wang tersebut dikeluarkan.

Bagaimanapun semasa pemeriksaan balas, SD1 telah menyatakan:

S: Setuju bahawa sekiranya Southern Bank ketika itu diberitahu pada 20 Ogos 2001 bahawa Teo Eng Pau seorang bankrap, akaun Teo Eng Pau seharusnya dibekukan dan baki wang di dalam akaun dihantar kepada Jabatan Insolvensi Malaysia?

J: Setuju.

S: Saya katakan sekiranya akaun Teo Eng Pau tidak dibekukan, ia adalah kelalaian bank?

J: Tidak setuju.

Namun semasa di pemeriksaan semula SDI menegaskan:

S: Kenapa bank tidak bekukan akaun bank Teo Eng Pau walaupun peguam cara bank mempunyai dokumen ini?

J: Di cawangan, kita hanya akan bekukan akaun pelanggan apabila kita mendapat arahan Ibu Pejabat atau fak copy dari Jabatan Insolvensi Malaysia yang menyatakan beliau adalah seorang bankrap.

[8] Diperhatikan daripada keterangan kedua-dua pegawai bank yang amat berpengalaman ini jelas menunjukkan pembekuan bank seseorang pelanggan yang telah diisytiharkan bankrap bukanlah sesuatu yang diwajibkan atau menjadi piawaian am semua bank di Malaysia. SP1 sendiri tidak tahu bagaimana CIMB akan bertindak dalam situasi ini, yang tanpa disedarinya adalah sama. Dari sudut ini, hujahan peguam responden mempunyai merit apabila menyatakan apa yang penting bukanlah sekadar mempunyai pengetahuan akan hakikat kebankrapan seseorang pelanggan bank itu tetapi apa yang penting merujuk kepada apakah prosedur yang harus diikuti. Dalam hal ini kedua-dua SP1 dan SD1 bersetuju berkenaan dengan pemberian notis oleh Jabatan Insolvensi Malaysia atau arahan daripada ibu pejabat mereka masing-masing sebagai prosedur yang biasa diikuti. Dalam konteks inilah pandangan pengarang Poh Chu Chai, dan kes *Ponsford*, tidak menyokong saranan peguam perayu. Atas alasan ini sahaja hujahan perayu akan adanya tugas berjaga-jaga untuk membekukan akaun Teo tumbang.

[9] Dalam butiran kecuaian yang digariskan dalam penyata tuntutannya, peguam perayu telah menyentuh antara lain tentang kelalaian atau kecuaian responden berhubung dengan kegagalan meremitkan wang dalam akaun Teo kepada ketua pengarah insolvensi, yang dikatakan berhak ke atas wang tersebut, sebagai wang deposit sebanyak RM80,000 bagi transaksi jual beli hartanah dengan Teo. Perayu telah juga membangkitkan persoalan tentang responden memberi representasi salah berkenaan dengan keperluan kebenaran ketua pengarah insolvensi bagi mendapatkan penyata tebus gadai. Diperhatikan perayu telah seolah-olah mengatakan responden mempunyai tanggungjawab ke atas mereka berkenaan dengan perkara yang ditimbulkan walaupun *vide* ketua pengarah insolvensi. Adakah itu tanggungjawab responden kepada perayu, yang bukan pelanggan mereka, terutamanya berkenaan dengan apa-apa wang dalam akaun pelanggan mereka yang bankrap?

[10] Bagi tujuan menjawab persoalan di atas, penelitian secara ringkas berkenaan dengan skim perundangan kebankrapan di bawah Akta Kebankrapan 1967 bertepatan. Apabila seseorang itu diisytiharkan bankrap, kehidupannya, terutamanya kewangan, akan berubah secara mendadak. Dia tidak lagi bebas dalam pengurusan kewangannya dan akan ditaklukkan kepada larangan, sekatan dan kesalahan di bawah Akta 1967 (lihat amnya ss 38 dan 109 Akta 1967). Pentadbiran hal ehwal kewangannya diambil alih oleh ketua pengarah insolvensi. Tertakluk kepada pengecualian yang diperuntukkan (s 48(1)(a)), semua hartanya akan terletak hak kepada ketua pengarah

insolvensi, sama ada secara automatik atau transmisi, untuk ditadbir, direalisasikan dan hasil realisasi itu akan diagih dan dibahagikan kepada semua pemiutangnya yang telah memfailkan bukti hutang (s 40). Seksyen 12(4) menyatakan:

> (4) When a debtor is adjudged a bankrupt his property shall become divisible among his creditors and shall vest in the Director General of Insolvency.

Seksyen 48, setakat yang berkaitan, memperuntukkan jenis atau bentuk harta (seperti ditakrifkan dalam s 2) yang boleh dibahagikan iaitu, antara lainnya:

> (1) The property of the bankruptcy divisible among his creditors, and in this Act referred to as property of the bankrupt:
>
> a …
>
> b shall comprise the following -
>
> i all such property as belongs to or is vested in the bankrupt at the commencement of the bankruptcy or *is acquired* by or devolves on him *before his discharge;*

Apa yang terjumlah kepada harta yang diperoleh semasa kebankrapan tetapi sebelum pelepasan daripada kebankrapan tidak ditakrifkan oleh Akta 1967. Ini boleh diperdebatkan dan boleh menjadi satu isu yang menarik dalam pentadbiran hal ehwal kebankrapan dalam Akta Kebankrapan 1967 seperti sama ada sesuatu deposit yang telah dibayar bagi perjanjian jual beli hartanah yang gagal semasa dalam kebankrapan akan menjadi harta bankrap atau si pembeli? Lihat kes *Agroco Plantation Sdn Bhd & Anor v Besharapan Sdn Bhd & Ors* [1999] 6 MLJ 80. Namun begitu dengan adanya peruntukan ini yang harus juga dibaca bersama dengan tanggungjawab-tanggungjawab bankrap dalam s 38 seperti pelaporan pendapatannya, sama ada pendapatan biasa atau luar biasa, menunjukkan, dan ini bertentangan dengan kepercayaan umum, bahawa seseorang yang bankrap itu boleh antara lainnya menjalankan aktiviti yang boleh mendatangkan pendapatan dan memperoleh harta. Persepsi berkenaan dengan ketiadaan peluang kedua bagi orang-orang bankrap sebenarnya meleset. Tertakluk kepada syarat yang digariskan dalam s 109(m)(i), seseorang yang bankrap boleh juga membuat pinjaman yang melebihi RM1,000. Dengan adanya peruntukan bagi kebankrapan kedua seperti diperuntukkan dalam s 49 menyokong saranan ini. Dari itu, untuk mengatakan apabila seseorang itu diisytiharkan bankrap dia tidak boleh memasuki kontrak, bekerja, memperoleh pendapatan dan untuk membuka atau meneruskan apa-apa akaun bank *ipso facto* tidak ketepatan.

[11] Bukan sahaja terhadap bankrap, skim perundangan kebankrapan juga ada mengenakan beberapa tanggungjawab di pihak bank berkaitan dengan pentadbiran hal ehwal kebankrapan pelanggan mereka oleh ketua pengarah insolvensi. Seksyen 55(5) Akta 1967, menyatakan:

> 5. Any treasurer or other officer or *any banker*, attorney or agent of a bankrupt *shall pay and deliver to the Director General of Insolvency all money and securities in his possession or power as such* officer, *banker,* attorney or agent *which he is not by law entitled to retain as against the bankrupt* or *the Director General of Insolvency,* If he does not, he shall be guilty of a contempt of court, and may be punished accordingly *on the application of the Director General of Insolvency.*

Peruntukan ini dengan jelas menghendaki mana-mana pihak bank untuk membayar apa-apa jua wang dalam milikan mereka kepada ketua pengarah insolvensi (kecuali wang yang mereka tidak berhak berbuat sedemikian). Tidak dinafikan wang yang dimaksudkan termasuk juga wang yang diperoleh selepas diisytiharkan bankrap tetapi sebelum dilepaskan *(after acquired property)*. Pihak bank akan disifatkan sebagai bersalah kerana menghina mahkamah jika gagal mematuhi kehendak peruntukan ini dan boleh hukum atas permohonan ketua pengarah insolvensi. Seperti dihujahkan oleh pihak peguam responden jika adapun tanggungjawab ke atas responden ia bukan terhadap perayu tetapi kepada ketua pengarah insolvensi. Bagaimanapun peruntukan ini tidak menyatakan sesuatu akaun bank seseorang pelanggan bank yang bankrap itu semestinya dibekukan. Setakat ini saya tidak menjumpai apa-apa kes yang berkaitan dengan tindakan terhadap pihak bank bagi kesalahan tidak mematuhi peruntukan ini. Daripada keterangan 'SP4', Puan Nur Laily bt Sehan, seorang pegawai insolvensi, tiada apa-apa notis dalam rekod untuk menunjukkan notis pemakluman kebankrapan Teo telah dihantar kepada responden. Keterangan SP4 juga tidak menunjukkan sesiapa, sama ada responden atau Teo, telah diambil tindakan kerana melanggar mana-mana peruntukan di atas. Saya berpendapat keterangan SP4 haruslah difahami dalam konteks ini dan tidak boleh menyokong saranan bahawa responden berkewajiban membekukan akaun Teo dan harus menjawab kepada perayu.

[12] Peguam perayu telah juga menimbulkan isu berkaitan dengan salah representasi oleh responden berkenaan dengan syarat mendapatkan kebenaran ketua pengarah insolvensi sebelum penyata tebus gadai boleh diberikan. Saya berpendapat peguam perayu ternyata tersilap di sini. Sekali lagi rujukan kepada skim yang mendasari Akta Kebankrapan 1967 harus dibuat. Seperti dinyatakan di atas, apabila seseorang itu diisytiharkan bankrap segala hartanya akan terletak hak kepada ketua pengarah insolvensi. Bagaimanapun s 8(2) Akta Kebankrapan 1967 ada memberikan pengecualian kepada harta bankrap yang bercagar. Seksyen 8(2) memperuntukkan:

> (2) This section shall not affect the power of any secured creditor to realize or otherwise deal with his security in the same manner as he would have been entitled to realize or deal with it if this section had not been passed - …

Seksyen ini memberi kuasa dan pilihan kepada mana-mana pemiutang bercagar (lihat takrifan di s 2), sama ada menguatkuasakan sekuriti mereka di luar prosiding kebankrapan atau sebaliknya (lihat juga Jadual C). Jika di luar

prosiding kebankrapan, pemiutang bercagar boleh menjual atau urus janji (*deal*) sekuriti itu secara mana yang dia berhak lakukan. Dalam kes *Sunder Lal and Anor v L Benarsi Dass and Ors* AIR 1939 All 401 telah menjelaskan ungkapan 'to realize or otherwise deal with his security' begini:

> Now the words used in this sub-section are *'to realize or otherwise deal with his security.' The words 'realize his security'* are no doubt applicable to proceeds by auction sale. … In our opinion, the words 'otherwise deal with his security' do cover the application of the decree-holder under Order 34, Rule 6 and a secured creditor is entitled by this section to obtain a decree under Order 34 Rule 6 and to deal with the security by the method allowed by that Rule.

Dalam kes rayuan ini perayu amat sedar bahawa perjanjian jual beli yang dimasuki dengan Teo melibatkan hartanah yang bercagar dengan responden. Berlandaskan kepada s 8(2) dan kes *Sunder Lal* di atas, responden boleh, jika mahu menguatkuasakan sekuriti tersebut, mengambil tindakan berdasar surat cara sekuriti itu sama ada secara lelongan ataupun melalui penjualan secara triti persendirian, jika dibenarkan oleh surat cara sekuriti Kanun Tanah Negara atau Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. Memandangkan Teo telah diketahui seorang bankrap dan segala hal ehwal pentadbiran estetnya diuruskan oleh ketua pengarah insolvensi, dan selaras juga dengan kehendak s 55(5), khususnya, adalah tidak salah bagi responden memerlukan kebenaran ketua pengarah insolvensi sebelum mempertimbangkan untuk menjalankan khususnya untuk urus janji (*deal*) dengan sekuriti berkenaan. SP4 dalam keterangannya juga mengatakan kebiasaannya pembelilah yang seharusnya mengambil inisiatif untuk mendapatkan kebenaran tersebut. Amalan ini adalah munasabah memandangkan ketua pengarah insolvensi harus mengetahui transaksi tersebut untuk menentukan kepentingan estet bankrap dan pemiutang yang tidak bercagar dijaga terutamanya untuk mengetahui sama ada ada lebihan atau tidak, sama ada apa-apa penilaian berkenaan harga hartanah itu munasabah atau sebaliknya dan untuk menilai dan mempertimbangkan sama ada bukti hutang yang difailkan oleh pemiutang bercagar, jika dikatakan harga jualan atau lelongan terkurang, itu sahih dan boleh diterima. Memandangkan perayu tidak mahu mendapatkan kebenaran daripada ketua pengarah insolvensi seperti diminta oleh responden, dan Teo pula telah mungkir dalam pembayaran pinjaman banknya, responden dengan betulnya telah melelongkan sekuriti berkenaan pada 8 Mei 2009. Dalam keadaan ini dakwaan perayu berkenaan tindakan responden yang dikatakan sebagai salah representasi dan lantaran daripada itu cuai dan lalai adalah meleset sekali.

[13] Perayu telah bertegas bahawa responden sebagai bank pemungut, telah cuai apabila membiarkan cek Aliance yang berpalang berkenaan ditunaikan oleh Teo pada 7 April 2005, orang yang dikatakan tidak berhak kepada hasil cek tersebut. Sekali lagi perayu menegaskan bahawa orang yang berhak kepada hasil cek tersebut ialah ketua pengarah insolvensi Malaysia. Dalam hal ini saya

bersetuju dengan penghujahan dan keputusan hakim bicara. Daripada nas authoriti yang dikemukakan oleh peguam perayu tidak dapat dinafikan salah satu tugas utama bank pemungut adalah untuk memungut cek untuk akaun pelanggannya. Lebih-lebih lagi cek berpalang. (Dirujuk *Banking Law and the Financial System In Australia* (BLFS) WS Weerasooria; *Law of Banking, (3rd Ed)*, Poh Chu Chai, ms 590). Apa yang jelas perayu bukan merupakan pelanggan responden. Pelanggan responden ialah Teo. Tidak boleh disangkal cek Alliance yang berkenaan dikeluarkan atas nama Teo (*payee*). Tidak ada penipuan atau keraguan di sini berkenaan dengan pengeluar cek Alliance (*drawer*) dan penerima cek (*payee*). Responden, selaras dengan tanggungjawab sebagai bank pemungut dan agen kepada Teo, pelanggannya, telah mengambil tindakan sewajarnya. Perayu menegaskan akaun Teo seharusnya dibekukan atau jika tidak wang itu diserahkan kepada ketua pengarah insolvensi atau dipulangkan kepada mereka semula memandangkan Teo telah diketahui oleh responden sebagai seorang bankrap. Perayu dengan itu telah hilang peluang untuk mendapatkan kembali wang tersebut daripada ketua pengarah insolvensi. Seperti dihuraikan di atas, perayu tidak dapat menunjukkan adanya piawaian yang diamalkan oleh bank atau mana-mana perundangan bagi pembekuan akaun bank pelanggan yang bankrap. Walaupun wang deposit itu boleh terjumlah kepada harta diperoleh selepas kebankrapan dan boleh terletak hak kepada ketua pengarah insolvensi, namun tanggunjawab pelaporan atau penyerahan terletak kepada responden atau Teo kepada ketua pengarah insolvensi, jika bentuk harta itu tidak dicabar memandangkan pihak ketua pengarah insolvensi tidak mengambil apa-apa langkah untuk memberi notis atau mengambilnya. Walaupun saya bersetuju bahawa responden telah mengetahui berkenaan hakikat kebankrapan Teo sejak dari tahun 2001 dan 2003 lagi, namun hakim bicara telah, dalam alasan pilihannya, telah menyatakan jika responden mengetahui bahawa Teo ialah seorang bankrap sekalipun, beliau masih berpendapat bahawa responden tidak boleh menghalang pembayaran cek Alliance berkenaan. Saya bersetuju pandangan hakim bicara tentang isu ini.

[14] Peguam perayu juga menghujahkan bahawa hakim bicara telah tersilap dalam penemuannya tentang kecuaian perayu sebagai salah satu faktor musibah yang dihadapi. Dalam keadaan kes ini saya bersetuju bahawa perayu seharusnya menjalankan *due diligence* yang sewajarnya. Saya berpendapat jika tindakan berhati-hati dijalankan, musibah ini boleh dihindari. Selain daripada apa yang telah ditemui oleh hakim bicara, diperhatikan urus janji yang dilakukan amat cepat sekali. Cek Alliance untuk pembayaran deposit itu telah dikeluarkan pada 4 Februari 2005, hari perjanjian dilaksanakan, dan diberikan kepada Teo pada 5 Februari 2005. Ini tidak selaras dengan klausa 2 perjanjian jual beli di mana dipersetujui bahawa deposit akan boleh dibayar kepada Teo (pemilik) selepas peguam mendapat pengesahan bertulis berkenaan dengan kedudukan penyata tebus gadai. Penyata ini tidak pernah diperoleh tetapi deposit telah dibayar kepada Teo. Seperkara lagi, memandangkan pembatalan

perjanjian tersebut berkemungkinan disebabkan oleh kegagalan Teo, plaintif berhak mendapat ganti rugi atas kemungkiran kontrak itu. Oleh kerana keberhutangan tersebut, atas andaian Teo telah gagal membayar, berlaku selepas kebankrapan, perayu tidak boleh mengemukakan bukti hutang ke atas estet Teo. Itu sebabnya pembuktian hutangnya telah ditolak oleh Jabatan Insolvensi Malaysia. Bagaimanapun, jika perayu telah mengambil tindakan guaman segera untuk mendapatkan kembali ganti rugi itu, yang sama jumlahnya dengan jumlah bayaran deposit, besar kemungkinan perayu boleh melancarkan kebankrapan kedua ke atas Teo (s 49 Akta Kebankrapan 1967) dan boleh memfailkan bukti hutang terhadap estet Teo yang baru. Dengan itu kepentingannya akan terjamin. Jika itu tidak diambil dan batasan masa telah terbangkit, perayu tidak boleh menyalahkan mana-mana pihak yang lain akan kehilangan itu.

Walaubagaimanapun saya tidak menggangap faktor ini sebagai faktor utama bagi penentu rayuan ini.

[15] Berkenaan dengan tindakan berdasarkan konversi, perayu telah berhujah bahawa dalam tindakan responden menyerahkan hasil tunai RM80,000 tersebut terus kepada Teo dan tidak kepada Jabatan Insolvensi Malaysia menunjukkan responden telah 'convert' cek tersebut ke dalam akaun dalam kawalan responden seakan-akan wang tunai itu milik responden. Dengan bertindak sedemikian responden didakwa telah secara salah menindakkan hak perayu terhadap RM80,000 tersebut.

[16] Peguam responden berhujah bahawa dakwaan perayu atas tort konversi tidak berasas langsung.

[17] Setelah mempertimbangkan penghujahan kedua pihak serta keterangan yang dikemukakan, saya bersetuju dengan keputusan hakim bicara yang telah memutuskan:

> Bagi prinsip tort konversi ini, Mahkamah merujuk kepada kes *United Plastics Sdn Bhd v Chan Teng Song & Anor* [2009] MLJU 1556; [2010] 8 CLJ 120 di mana Mahkamah Tinggi Johor Bahru telah menyatakan:
>
> The Tort Of Conversion
>
> The tort of conversation has been described as a wide tort as it covers the deliberate taking, receipt purchase, sale, disposal or consumption of another's property. It is not merely an interference with the claimant's possessory interest in his chattels but also an injury to his right or title in them, (see Clerk & Lindsell on *Torts* (18th Ed), p 726).
>
> Thus, in *Lacashire & Yokeshire Ry v MacNicoll* (1919) 88 LJKB 601, the court held that:

> Anyone who without authority receives or takes possession of another's good with the intention of asserting some right or dominion over them, or deals with them in a manner inconsistent with the right of the true owner is prima facie guilty of conversion; provided there is an intention on the part of the person so dealing with them to negative the right of the true owner or to assert a right inconsistent therewith.
>
> The essence of conversion lies in the unlawful appropriation of another's chattel, whether for the defendant's own benefit or that of a third party. As enunciated by Lord Chelmsfor in *Hollins v Folwer* (1875) LR 7 HL 757:
>
> Any person who, however innocently obtains possession of the goods of a person who has been fraudulently deprived of them, and disposes of them, whether for his own benefit or that of any another person, is guilty of a conversion.

Walau bagaimanapun, di dalam kes ini, mahkamah bersetuju dengan wujudnya sebarang tort konversi di dalam kes ini. Ini kerana cek yang diisukan oleh perayu di dalam kes ini adalah sememangnya kepada Teo Eng Pau dan atas nama Teo Eng Pau tersebut dan cek tersebut sememangnya didepositkan ke dalam akaun Teo Eng Pau di bank responden dan wang tersebut dikeluarkan oleh Teo Eng Pau sendiri dan bukannya ditunaikan oleh pihak lain. Oleh itu, mahkamah berpendapat keseluruhan transaksi yang dibenarkan oleh responden ini tidak termasuk di dalam deskripsi-deskripsi yang tergolong di dalam tort konversi seperti yang telah dijelaskan di dalam kes *United Plastics Sdn Bhd* tersebut.

[18] Bagi perayu untuk berjaya membangkit satu kes berasaskan konversi ini, perlu ditunjukkan seseorang itu mengendalikan sesuatu barangan (*chattel*) yang bukan kepunyaannya dengan cara yang bertentangan dengan hak pemilik sebenar dan dengan itu menghalang pemilik sebenar itu dari menggunakan atau memilikinya. Dalam kebanyakan kes yang dirujuk oleh peguam perayu melibat penipuan, penyalahgunaan dan bukan pemilik sebenar. Seperti diperkatakan oleh Denning J dalam *Nelson v Larholt* [1948] 1 KB 339 di ms 343:

> All the cases that occur in the books, of trustees or agents who draw cheques on the trust account or the principal's account for their own private purposes, or of directors who apply their company's cheques for their own account, fall within this one principle.

Begitu juga dalam *United Malayan Banking Corp Bhd v Kek Tek Huat (Deceased Kik Chon Lam & Ors, Executors of the estate of Kek Tek Huat)* [1990] 1 MLJ 83; [1990] 1 CLJ 429 di mana cek telah berlakunya penipuan ke atas tandatangan cek-cek pemilik sebenar. Begitu juga dalam *Oriental Bank of Malaya v Rubber Industry (Replanting) Board* [1957] 1 MLJ 153 di mana cek telah diambil oleh orang lain dan telah berlakunya penipuan akan tuan sebenarnya cek berkenaan. Lihat juga kes *Yap Moi v Hong Leong Bank Bhd* [2002] 3 MLJ 614.

[19] Dalam kes terhadap responden sebagai bank pemungut, transaksi yang dicabar tidak melibatkan apa-apa penipuan, salah guna atau pun penggunaan yang bertentangan dengan pemilik sebenar cek Alliance bank dalam persoalan. Cek ini dikeluarkan kepada dan hanya untuk Teo dan bukan orang lain. Perkara yang ditekankan oleh peguam perayu berkaitan terus dengan hakikat kebankrapan Teo yang dengan serta merta ditukarkan untuk dijadikan satu isu konversi. Sepertimana telah dihuraikan di atas, Teo berhak ke atas cek tersebut sebagai pemilik sebenar. Apa-apa kesalahan yang telah dilakukan sama ada oleh responden, jika ada, atau Teo sendiri dengan ketua pengarah insolvensi merupakan urusan yang berlainan dan tertakluk kepada jenis tindakan yang boleh diambil oleh pihak ketua pengarah insolvensi. Selain daripada itu, memandangkan kontrak jual beli yang dimasuki pada mulanya merupakan satu perjanjian yang sah, perayu seharusnya mengambil tindakan guaman terhadap Teo untuk menuntut gantirugi sepertimana yang telah dipersetujui dalam perjanjian jual beli itu, *albeit* tidak disempurnakan.

[20] Berkenaan dengan isu tuntutan kos RM4,000 bagi mempertahankan kaveat perayu, saya bersetuju dengan keputusan hakim bicara. Tidak dapat disangkal perayu telah gagal untuk menyempurnakan perjanjian jual beli berkenaan dan dengan kedudukan responden sebagai pemiutang bercagar, perayu tidak boleh mempertahankan kaveat tersebut dalam apa-apa keadaan jua.

[21] Berdasarkan alasan di atas saya bersetuju dengan keputusan hakim bicara dan dengan ini menolak rayuan perayu dengan kos sebanyak RM3,000.

Rayuan ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor